



NOTIS PEMBERITAHUAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sedang melaksanakan Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik. Sehubungan itu mulai 1 Januari 2011, Kementerian memutuskan bahawa pada setiap Hari Sabtu semua premis-premis perniagaan terpilih di seluruh Negara akan melaksanakan Hari Tanpa Beg Plastik.

Pelaksanaan Hari Tanpa Plastik ini adalah seperti berikut:

- Pada setiap hari Sabtu mulai 1 Januari 2011, beg plastik tidak akan dibekalkan kepada pengguna.
- Mulai 1 Januari 2011, bayaran boleh dikenakan kepada setiap beg plastik yang ingin digunakan oleh pengguna. Kementerian menggalakkan beg plastik yang dijual terdiri daripada beg mesra alam.
- Hasil kutipan tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan keuntungan tetapi akan disalurkan untuk program *Corporate Social Responsibility (CSR)* atau kepada mana-mana badan-badan kebajikan yang dipilih oleh syarikat masing-masing.
- Kementerian tidak mempunyai halangan bagi premis perniagaan yang ingin melaksanakan Hari Tanpa Beg Plastik lebih daripada satu hari (Sabtu) yang telah ditetapkan.

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan**